

Cermat

hadapi

Ucapan penuh di muka 8

© Dr. Mahathir

kemelesetan

KUALA LUMPUR 24 April — Rakyat Malaysia khususnya umat Islam tidak patut kecewa dengan kemelesetan ekonomi sekarang tetapi menghadapinya dengan berjimat - cermat dan mengekalkan diri daripada pembaziran selaras dengan tuntutan Islam, tegas Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata tabiat berjimat amat disuruh oleh Islam kerana kesannya bukan sahaja menjamin keutuhan dan kekuatan ekonomi sendiri, tetapi dapat menolong memperkukuhkan ketahanan umat dan negara.

"Rezeki ada di mana - mana sahaja. Hanya yang diperlukan ialah kita tidak membazir dan

kita menggunakan modal kurniaan Tuhan secara tersusun dan teratur dengan berjimat - cermat. Dengan tidak mudah kecewa, dengan tekun dan disiplin, insya-Allah kita akan menghasilkan kekayaan," tambahnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir merasmikan musabqah membaca Al-Quran peringkat kebangsaan yang bertemakan "Berjimat Berkat, Membazir Mudarat" di Pusat Islam malam ini.

Katanya, Islam tidak menggalakkan umatnya sentiasa bergantung dan mengharap belas kasihan orang lain kerana amalan bergantung kepada orang lain tanpa apa - apa usaha sendiri, akan menjatuhkan maruah umat Islam. "Janganlah kita guna mata yang buta sebagai modal untuk meminta sedekah sedangkan tangan kita, telinga kita dan akal kita masih baik dan boleh diguna untuk mencari rezeki secara halal," pesannya.

Perdana Menteri menekankan apa yang diperlukan oleh umat Islam ialah tidak membazirkan kekayaan semulajadi mereka dan tidak mengeluh selagi ada kekuayaan itu.

Sebenarnya, jika seseorang itu berkata ia miskin, ia sepatutnya menyoal apakah ia sudah guna sepenuhnya kekayaan kurniaan Tuhan sebagai modal baginya.

Beliau berpendapat manusia yang terkaya sekali menjadi miskin jika ia belanja lebih daripada pendapatannya tetapi sebaliknya, manusia yang kurang berada adalah kaya kalau ia berjimat - cermat dan berbelanja kurang daripada pendapatannya.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan suhuran berjimat itu bukan sahaja terhad kepada kegiatan ekonomi, atau pada masa ekonomi terdesak tetapi untuk sepanjang masa.

"Kita harus berjimat dengan masa. Kita harus berjimat dengan semua harta milik sementara kita, dengan kesihatan kita, dengan persaudaraan keluarga dan rakan kita dan persaudaraan keislaman kita, dengan keamanan masyarakat kita — dengan semua kebahagiaan yang sebenarnya adalah anugerah Tuhan kepada kita."